

HELOCBP -Terma dan Syarat V 1.0

TERMA DAN SYARAT PERBANKAN INTERNET CBP

Terma & Syarat berikut (selepas ini dirujuk sebagai "**Terma & Syarat Perbankan Internet CBP**") akan mengawal akses dan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet CBP yang boleh diakses melalui laman sesawang di www.helocbp.com.my ("**Laman Sesawang HELOCBP**") dan HELOCBP ("**Aplikasi Perbankan Mudah Alih**"). Permohonan Perbankan (selepas ini dirujuk sebagai "**Perkhidmatan Perbankan Internet CBP**") yang disediakan oleh Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (selepas ini akan dirujuk sebagai "**CBP**") kepada Pelanggannya yang layak.

Anda disarankan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat Perbankan Internet CBP. Anda selanjutnya dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan undang-undang bebas dan sebarang nasihat lain yang dianggap perlu sebelum melanggan mana-mana produk atau perkhidmatan dan/atau mengambil bahagian dalam mana-mana kempen dan promosi CBP dalam Perkhidmatan Perbankan Internet CBP. Selanjutnya, anda mesti bertanggungjawab sepenuhnya dalam membuat penilaian sendiri apabila mengakses Perkhidmatan Perbankan Internet CBP terutamanya berkaitan kandungannya.

Jika anda tidak bersetuju untuk menerima Terma & Syarat Perbankan Internet CBP ini, sila dengan serta merta berhenti daripada melakukan sebarang capaian dan / atau menggunakan perkhidmatan di Laman Sesawang HELOCBP ini. Sekiranya anda terus menggunakan dan / atau membuat capaian di Laman Sesawang HELOCBP ini dan / atau menggunakan perkhidmatan yang disediakan di sini, maka ia dianggap sebagai penerimaan anda terhadap Terma & Syarat Perbankan Internet CBP ini.

Jika pada bila-bila masa anda tidak faham dan mungkin mempunyai pertanyaan mengenai mana-mana bahagian Terma & Syarat Perbankan Internet CBP, sila kemukakan soalan dan dapatkan penjelasan di:

**Digital Banking & Electronic Channels Department,
Ibu Pejabat**

Wisma Co-Opbank Pertama,
No 115 Jalan Raja Muda Abdul Aziz,
Kampung Bharu,
50300 Kuala Lumpur

Atau hubungi talian Khidmat Pelanggan kami di talian 1-300-88-7650 atau melalui emel info@cbp.com.my

1. Am

- 1.1 Semua produk dan perkhidmatan CBP yang disediakan di sini adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat dokumen perjanjian dan polisi CBP yang terpakai ke atasnya dan yang ditentukan oleh CBP dari semasa ke semasa. Terma & Syarat

HELOCBP -Terma dan Syarat V 1.0

Perbankan Internet CBP ini bertujuan mengawal capaian anda ke Laman Sesawang HELOCBP ini dan mesti dibaca bersama-sama dengan terma dan syarat yang dikenakan berkaitan mana-mana transaksi, produk-produk dan / atau perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan dalam Laman Sesawang HELOCBP ini. Jika berlaku percanggahan di antara terma dan syarat di dalam Terma & Syarat Perbankan Internet CBP ini dan terma dan syarat produk / perkhidmatan CBP, terma dan syarat yang terkemudian daripada tarikh Terma & Syarat Perbankan Internet CBP ini akan terpakai dan berkuatkuasa.

2. Pautan kepada laman sesawang pihak ketiga

Pautan dari atau ke laman sesawang di luar Laman Sesawang HELOCBP ini adalah untuk kemudahan dan rujukan sahaja. Pautan ke luar Laman Sesawang HELOCBP adalah kepada laman sesawang yang dimiliki dan dikendalikan oleh pihak ketiga dan tidak berada di bawah kawalan CBP. Oleh itu, CBP tidak akan bertanggungjawab dan tidak memberikan sebarang jaminan terhadap kandungan laman sesawang pihak ketiga tersebut dan mana-mana pihak ketiga yang dinamakan di dalamnya atau produk serta perkhidmatan mereka. Di samping itu, pautan yang disediakan dalam Laman Sesawang HELOCBP ini tidak boleh dianggap sebagai pengesahan atau verifikasi atau kelulusan laman sesawang yang dipaut atau apa-apa isi kandungan di dalamnya. Pautan daripada Laman Sesawang HELOCBP kepada mana-mana laman sesawang lain adalah atas risiko anda sendiri dan CBP tidak akan bertanggungjawab atau berkewajipan atas sebarang kerosakan berkaitan dengan pautan atau penyertaan anda atau penggunaan maklumat, material, perkhidmatan atau promosi.

3. Hakcipta & Cap Dagangan

- 3.1 Semua hak cipta, cap dagangan / tanda perkhidmatan (*servicemark*), paten, logo dan lain-lain hak harta intelek CBP atau selainnya dalam laman sesawang ini dan kandungannya dalam perkhidmatan CBP (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, semua maklumat, butir-butir, grafik, data, fail, teks, rakaman, bunyi, dan urutan dan susunan yang sama) hendaklah dilindungi haknya dan terletak hak setiap masa dan kekal terletak hak kepada CBP atau tuan punya pihak ketiga yang berkaitan.
- 3.2 Tidak ada bahagian atau mana-mana bahagian dalam Laman Sesawang HELOCBP ini boleh diubah suai, dihasilkan semula, diedarkan, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, dilaksanakan, dikeluarkan semula, diterbitkan, dilesenkan, dipindahkan, digunakan, dijual atau diuruskan bagi tujuan komersil menurut apa-apa cara tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada CBP.
- 3.3 Kecuali dengan keizinan bertulis daripada CBP, tiada kemasukan suatu pautan ke Laman Sesawang HELOCBP ini atau mana-mana laman sesawang dan tiada "frame" atau "mirror" apa-apa material yang terkandung dalam laman sesawang ini pada mana-mana pelayan "server" lain.
- 3.4 Kecuali dengan keizinan bertulis daripada CBP atau empunya yang berkaitan, tiada cap dagangan, tanda perkhidmatan atau logo atau apa-apa hak harta intelektual lain

HELOCBP -Terma dan Syarat V 1.0

boleh digunakan sebagai pautan atau menandakan apa-apa pautan kepada Laman Sesawang CBP atau mana-mana laman sesawang lain.

- 3.5 Mana-mana penghasilan semula tanpa izin, pengiriman semula atau penyalinan atau pengubahsuaian mana-mana kandungan laman sesawang adalah melanggar undang-undang atau hak *common law* yang boleh menjadi subjek kepada tindakan undang-undang.

4. Pengecualian Liabiliti

- 4.1 CBP tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang berpunca sama ada dalam bentuk tort, kontrak, liabiliti ketat (strict liability), kecuaiian atau apa-apa asas lain, termasuk tanpa had secara langsung atau tidak langsung, khusus, sampingan, kerosakan lanjutan atau punitif atau kehilangan keuntungan atau simpanan akibat capaian atau penggunaan atau kegagalan anda mencapai atau menggunakan Laman Sesawang HELOCBP ini (atau mana-mana pautan pihak ketiga kepada atau daripada laman sesawang CBP), kebergantungan kepada maklumat yang terkandung dalam Laman Sesawang HELOCBP ini, apa-apa bentuk kegagalan teknikal, perkakasan atau perisian, gangguan, ralat, pengabaian, kelewatan operasi, virus komputer, atau selainnya.

- 4.2 Klausula 4.1 ini akan dikuatkuasakan sepenuhnya menurut undang-undang.

5. Tanggung Rugi

Anda dengan ini bersetuju untuk menanggung rugi dan memastikan CBP ditanggung rugi daripada dan terhadap apa-apa dan semua liabiliti, tuntutan, kerugian dan perbelanjaan, termasuk sebarang yuran guaman yang mungkin ditanggung oleh CBP berkaitan dengan atau timbul daripada:-

1. penggunaan atau penyalahgunaan Laman Sesawang HELOCBP ini dan perkhidmatan yang disediakan di sini; atau
2. pelanggaran Terma & Syarat Perbankan Internet CBP ini walau apapun sebabnya; atau
3. mana-mana hak harta intelek atau tuntutan terhadap pelanggaran hak ketuanpunyaan yang dibuat oleh pihak ketiga terhadap CBP yang berkaitan dengan penggunaan Laman Sesawang HELOCBP ini.

6. Penamatan

CBP berhak menamatkan dan / atau menggantung capaian anda ke laman sesawang ini dan / atau penggunaan perkhidmatan dalam talian ini pada bila-bila masa, tanpa mengemukakan apa-apa sebab. Khususnya, dan tanpa had, CBP boleh menamatkan dan / atau menggantung capaian anda jika terdapat sebarang pelanggaran Terma & Syarat Perbankan Internet CBP ini, atau melanggar hak CBP atau mana-mana pengguna lain atau mana-mana pihak ketiga.

HELOCBP -Terma dan Syarat V 1.0

7. Undang-Undang dan Bidang Kuasa

Terma & Syarat Perbankan Internet CBP ini hendaklah ditentukan dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Dengan mencapai Laman Sesawang HELOCBP ini dan / atau menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh CBP, dengan ini anda bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia dalam segala pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan laman sesawang ini.

Tiada apa-apa di dalam Laman Sesawang HELOCBP ini boleh dianggap sebagai representasi oleh CBP bahawa material, maklumat, fungsi dan / atau perkhidmatan yang terkandung atau dicapai melalui laman sesawang ini adalah sesuai atau tersedia untuk kegunaan dalam bidang kuasa selain di Malaysia.

8. Pengecualian

Tidak ada sebarang kegagalan atau kelewatan di pihak CBP dalam menjalankan atau tidak menjalankan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang diperuntukkan dalam Terma & Syarat Perbankan Internet CBP ini akan dianggap sebagai pengecualian atau persetujuan kemungkiran itu yang akan memberi kesan atau menjejaskan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi di sini.

9. Kebolehasingan

Jika mana-mana bahagian Terma & Syarat Perbankan Internet CBP ini ditentukan sebagai tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan menurut undang-undang terpakai, maka peruntukan yang tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan itu dianggap digantikan oleh suatu peruntukan yang sah, boleh dikuatkuasakan yang paling sesuai dengan niat peruntukan asal dan semua peruntukan Terma & Syarat Perbankan Internet CBP yang lain itu terus berkuatkuasa sepenuhnya.

10. Perubahan Terma dan Syarat

CBP berhak untuk mengubah, meminda atau menambah mana-mana Terma & Syarat Perbankan Internet CBP melalui notis mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh CBP dari semasa ke semasa. Walau bagaimana pun, anda boleh melihat Terma & Syarat Perbankan Internet CBP yang disemak semula apabila membuat capaian ke laman sesawang HELOCBP dan penggunaan perkhidmatan selepas itu akan dianggap sebagai penerimaan anda kepada perubahan, pindaan atau tambahan.

11. Perjanjian Mengikat Pengganti

Terma & Syarat Perbankan Internet CBP ini akan menjadi terikat kepada wasi, wakil, waris dan pengganti dalam hakmilik (*successors in title*), penerima serah hak daripada CBP, dan anda tidak mempunyai sebarang hak untuk menyerah apa-apa hak atau obligasi anda di bawah Terma & Syarat Perbankan Internet CBP ini melainkan dengan kebenaran bertulis daripada CBP terlebih dahulu.

HELOCBP -Terma dan Syarat V 1.0

12. Notis

12.1 Anda dengan ini bersetuju terhadap semua notis dan komunikasi lain berkenaan perkhidmatan yang dikehendaki di bawah Terma & Syarat Perbankan Internet CBP ini atau boleh diberikan oleh CBP dalam mana-mana cara berikut:

1. Melalui pos biasa ke alamat terakhir anda yang diketahui dalam rekod CBP dan pemberitahuan itu dianggap telah diterima tiga (3) hari selepas penghantaran;
2. Melalui e-mel kepada alamat e-mel terakhir anda dalam rekod CBP dan pemberitahuan itu dianggap sudah diterima dua puluh empat (24) jam selepas penghantaran;
3. Dengan dipaparkan di premis perniagaan CBP dan pemberitahuan itu dianggap berkuatkuasa pada tarikh ianya bermula dipaparkan;
4. Melalui iklan yang disiarkan sekali dalam mana-mana laman sesawang/ media sosial CBP atau mana-mana media cetak/ elektronik yang bersesuaian dan pemberitahuan itu dianggap berkuat kuasa pada tarikh penyiaran iklan dalam mana-mana akhbar tersebut;
5. Dengan memasukkan notis dalam penyata akaun CBP anda dan pemberitahuan itu dianggap berkuat kuasa dua (2) hari selepas tarikh penghantaran notis yang terkandung dalam penyata akaun;
6. Penyiaran mesej di laman sesawang ini;
7. Melalui apa-apa cara pemberitahuan yang dianggap sesuai oleh CBP.

12.1 Semua notis mengenai perkhidmatan Perbankan Internet CBP dan Terma & Syarat Perbankan Internet CBP kepada CBP hendaklah dibuat secara bertulis, ditandatangani oleh anda dan hendaklah dihantar kepada CBP di alamat berikut atau diserahkan atau dihantar atau dengan cara lain sebagaimana CBP boleh dimaklumkan oleh anda dari semasa ke semasa:

**Digital Banking & Electronic Channels Department,
Ibu Pejabat**
Wisma Co-Opbank Pertama,
No 115 Jalan Raja Muda Abdul Aziz,
Kampung Bharu,
50300 Kuala Lumpur

Sekiranya anda ingin menghantar notis-notis tersebut melalui e-mel, anda boleh emelkan kepada info@cbp.com.my

HELOCBP -Terma dan Syarat V 1.0

13. Rencam

Tajuk-tajuk yang digunakan di dalam Terma & Syarat Perbankan Internet CBP ini adalah untuk rujukan dan kemudahan sahaja dan tidak boleh diambil kira dalam tafsiran atau pembinaan (*construction*) Terma & Syarat Perbankan Internet CBP.

Sekiranya terdapat sebarang ketidaksejajaran, kesamaran dan perbezaan di antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Malaysia berhubung Terma & Syarat Perbankan Internet CBP, Terma & Syarat Perbankan Internet CBP dalam versi Bahasa Inggeris akan berkuatkuasa dan terpakai.

14. Maklumat Akaun

Ketepatan sebarang maklumat yang berkaitan dengan akaun Pelanggan atau transaksi yang dilaporkan dalam Laman Web HELOCBP CBP tidak dijamin oleh CBP. Anda dengan ini mengakui bahawa transaksi yang belum disahkan atau diproses oleh CBP mungkin tidak dipaparkan dalam maklumat akaun pelanggan termasuk maklumat baki.

15. Kebolehcapaian

15.1 Perkhidmatan Perbankan Internet CBP boleh diakses tujuh (7) hari seminggu, dari 6.00 pagi hingga 12.00 pagi (tertakluk kepada waktu operasi yang ditentukan oleh CBP dari semasa ke semasa).

15.2 Anda dengan ini mengakui bahawa CBP tidak menjamin ketersediaan perkhidmatan perbankan internetnya yang tidak terganggu. Mungkin terdapat keadaan di mana bahagian tertentu atau keseluruhan perkhidmatan tidak boleh diakses disebabkan oleh penyelenggaraan sistem atau faktor di luar kawalan CBP.

16. Pendedahan

16.1 Anda dengan ini memberi kuasa dan membenarkan CBP untuk mendedahkan semua maklumat dan data anda yang disediakan melalui Perkhidmatan Perbankan Internet CBP kepada:

- a) Institusi kewangan lain yang memberikan atau bercadang untuk memberikan sebarang pembiayaan atau kemudahan kredit kepada anda, Biro Kredit atau mana-mana biro kredit pusat lain yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM"), Cagamas Berhad, mana-mana pihak berkuasa lain yang berkaitan sebagaimana yang dibenarkan mengikut undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut atau pihak berkuasa / agensi yang ditubuhkan oleh BNM;
- b) Juruaudit CBP, peguam cara dan/atau ejen lain;
- c) Penasihat profesional, penyedia perkhidmatan, penamaan, ejen, kontraktor atau penyedia pihak ketiga CBP yang terlibat dalam penyediaan produk dan perkhidmatan kepada atau CBP dan anak syarikatnya; dan

HELOCBP -Terma dan Syarat V 1.0

- d) mana-mana pihak menurut undang-undang yang terpakai, perintah mahkamah dan/atau mana-mana pihak berkuasa kawal selia lain

17. Maklumat Sulit

17.1 Anda dengan ini mengakui bahawa anda akan bertanggungjawab untuk mengekalkan kerahsiaan dan penggunaan kata laluan anda yang betul untuk Perkhidmatan Perbankan Internet CBP. Anda tidak boleh sekali-kali berkongsi atau mendedahkan kata laluan anda kepada mana-mana pihak ketiga, dalam apa jua keadaan.

18. Masa

18.1 Masa di mana sahaja yang disebut dalam Terma & Syarat Perbankan Internet CBP ini adalah penting.

19. Force Majeure

19.1 Walau apa pun peruntukan lain di sini, sekiranya CBP tidak dapat melaksanakan sebarang operasi atau menyediakan sebarang perkhidmatan pada Perkhidmatan Perbankan Internet CBP atas sebarang sebab di luar kawalan CBP termasuk tidak terhad kepada kebakaran, banjir, rusuhan, perbuatan Tuhan, sebarang kegagalan atau gangguan kepada telekomunikasi, elektrik, air, bekalan bahan api, mogok, pemberontakan, kekecohan awam, rusuhan, peperangan, pencerobohan, wabak, wabak, kuarantin atau apa-apa faktor yang bersifat *force majeure*, CBP tidak boleh dalam apa cara sekalipun bertanggungjawab atas sebarang kesulitan, kerugian, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang timbul daripada perkara yang sama.

19.2 Sekiranya Perkhidmatan Perbankan Internet CBP tidak boleh diakses, anda mempunyai pilihan untuk menjalankan transaksi di mana-mana cawangan CBP.

20. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) (“AMLA”)

20.1 Semasa mengakses Perkhidmatan Perbankan Internet CBP, anda akan memastikan bahawa anda tidak akan:

- (i) terlibat, secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang;
- (ii) menerima, memiliki, menyamar, memindahkan, menukar, menukar, membawa, melupuskan, menggunakan, mengalihkan atau membawa masuk Malaysia hasil daripada sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau
- (iii) menyembunyikan, menyamar atau menghalang penubuhan sifat sebenar, asal, lokasi, pergerakan, pelupusan, hak milik, hak berkenaan dengan, atau pemilikan, hasil daripada sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang.

HELOCBP -Terma dan Syarat V 1.0

20.2 CBP mempunyai hak untuk membuat laporan kepada pihak berkuasa yang berkaitan dan memberikan kerjasama penuh agar pihak berkuasa menjalankan tugas mereka di bawah **AMLA**.

21. Integriti

21. Semasa mengakses Perkhidmatan Perbankan Internet CBP, anda akan memastikan bahawa anda tidak akan:

- (i) menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet CBP untuk sebarang sumbangan, hadiah, keraian atau perbelanjaan menyalahi undang-undang lain yang berkaitan dengan aktiviti politik; dan
- (i) melanggar mana-mana peruntukan mana-mana undang-undang atau peraturan terpakai yang melaksanakan mana-mana undang-undang anti-rasuah atau undang-undang lain yang serupa di Malaysia atau mana-mana bidang kuasa lain, termasuk, dalam setiap kes, peraturan dan peraturan di bawahnya.